

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LAUT)  
(SARAWAK) 1976**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

*Peraturan*

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

PERMULAAN

2. Tafsiran.

LESEN-LESEN

3. Lesen untuk mengendalikan jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.
4. Permohonan untuk lesen jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.
5. Bayaran.
6. Kebenaran menggunakan alat-alat lain dan pengecualian daripada membayar bayaran.
7. Pengenalan jenis-jenis belat.
8. Bilangan lesen-lesen yang hendak dikeluarkan.
9. Alat-alat menangkap ikan tidak boleh dikendalikan dalam jarak 200 depa daripada jenis belat.
10. Permohonan supaya dikeluarkan suatu permit untuk memasang jenis belat.

PEMINDAHAN JENIS-JENIS BELAT DAN  
ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN

11. Pemindahan jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.
12. Pampasan bagi kerosakan yang disebabkan oleh alat-alat menangkap ikan.

LUCUTHAK

13. Pembatalan lesen dan permit dan pelucuthakan deposit-deposit.
14. Perbaharuan lesen-lesen jenis belat yang sedia ada.
15. Pemansuhan.

JADUAL.

## **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LAUT) (SARAWAK) 1976\***

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 2 Akta Perikanan 1963, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.**

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Perikanan (Laut) (Sarawak) 1976** dan hendaklah dipakai hanya bagi penangkapan ikan dan perikanan di perairan laut yang bersebelahan dengan pantai Sarawak dan perairan muara dalam Negeri Sarawak.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah—

- (a) berkenaan dengan penangkapan ikan dan perikanan di perairan laut, mula berkuatkuasa pada tarikh selepas sahaja tarikh tersiarnya Peraturan-peraturan ini; dan
- (b) berkenaan dengan penangkapan ikan dan perikanan di perairan muara, mula berkuatkuasa pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, dengan persetujuan Kerajaan Negeri, melalui pemberitahu dalam *Warta* dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi kawasan-kawasan Sarawak yang berlainan.

### PERMULAAN

### **2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“alat-alat menangkap ikan” atau “alat-alat” ertinya apa-apa kelengkapan, peralatan atau perkakas menangkap ikan tetapi tidak termasuk alat-alat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Pegawai Perikanan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam Akta Perikanan 1963 dan adalah bagi maksud Peraturan-peraturan ini termasuk pegawai pelesen.

### LESEN-LESEN

### **3. Lesen untuk mengendalikan jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.**

(1) Tiada sesiapa jua boleh di dalam perairan wilayah yang bersebelahan dengan pantai Sarawak—

---

\* Diterbitkan sebagai PU(A) 401/76.

- (a) mengendalikan atau membenar dikendalikan atau mengarah supaya dikendalikan sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan;
- (b) mempunyai dalam miliknya atas sesuatu vesel apa-apa alat menangkap ikan atau sesuatu bahagiannya; atau
- (c) memasang sesuatu jenis belat;

melainkan jika ia berdomisil dalam Sarawak dan ada berkuatkuasa berkenaan dengan belat atau alat itu suatu lesen atau permit mengikut mana yang berkenaan yang diberi di bawah Peraturan-peraturan ini.

(2) Tiada sesiapa jua boleh di luar perairan wilayah yang bersebelahan dengan pantai Sarawak—

- (a) mengendalikan atau membenar dikendalikan atau mengarah supaya dikendalikan sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan;
- (b) mempunyai dalam miliknya atas sesuatu vesel apa-apa alat menangkap ikan atau sesuatu bahagiannya; atau
- (c) memasang sesuatu jenis belat;

melainkan ada berkuatkuasa berkenaan dengan belat atau alat itu suatu lesen atau permit mengikut mana yang berkenaan yang diberi di bawah Peraturan-peraturan ini.

#### **4. Permohonan untuk lesen jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.**

(1) Permohonan bagi mendapat suatu lesen berkenaan dengan jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Perikanan dan Pegawai Perikanan itu boleh mengeluarkan suatu lesen yang tersebut di atas atau menolak permohonan itu; dan tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Perikanan itu.

(2) Seseorang pemohon bagi mendapat suatu lesen berkenaan dengan mana-mana satu daripada alat-alat menangkap ikan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan ini hendaklah—

- (a) mendepositkan dengan Pegawai Perikanan itu amaun yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang kedua Jadual tersebut sama ada semuanya sekali atau, jika difikirkan adil oleh Ketua Pengarah dalam hal-hal kesusahan yang sebenarnya, dengan beransur-ansur tidak lebih dari lima ansuran bulanan mulai dari tarikh sesuatu lesen dikeluarkan dan Pegawai Perikanan itu hendaklah membuktikan pembayaran deposit itu dengan mengeluarkan suatu resit; atau
- (b) jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah, memberi kepada Pegawai Perikanan itu suatu jaminan bank bagi amaun yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang kedua Jadual tersebut.

(3) Permohonan dan pengeluaran sesuatu permit untuk memasang sesuatu jenis belat baru hendaklah dibuat mengikut Peraturan 10.

(4) Sesuatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini boleh tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pegawai Perikanan dan dalam sesuatu hal jika pukot, pukot hanyut dan jenis-jenis belat digunakan, lesen atau permit itu hendaklah selain daripada had-had dan syarat-syarat itu tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang masing-masing dinyatakan dalam Jadual Keempat, Kelima dan Keenam.

(5) Tiada sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan boleh dikendalikan dengan cara atau pada tempat yang akan mengganggu pelayaran atau yang jaraknya dengan sesuatu pulau adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Penyu (Mencegah Gangguan) 1962.

(6) Mana-mana orang yang melanggar sesuatu daripada syarat-syarat lesen dan permit tersebut di atas hendaklah disifatkan sebagai telah bertindak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini.

#### **5. Bayaran.**

Bayaran-bayaran yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua bersama ini hendaklah kena dibayar berkenaan dengan alat-alat menangkap ikan dan jenis-jenis belat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual tersebut.

#### **6. Kebenaran menggunakan alat-alat lain dan pengecualian daripada membayar bayaran.**

Jika seseorang diberi lesen mengenai pukot tunda, Pegawai Perikanan boleh, dengan membuat catitan dalam lesen itu, membenarkan orang itu menggunakan alat-alat menangkap ikan yang lain:

Dengan syarat bahawa jika pembenaran dengan catitan dibuat pada lesen itu, orang itu hendaklah dikecualikan daripada membayar bayaran yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua.

#### **7. Pengenalan jenis-jenis belat.**

(1) Sesuatu jenis belat yang dilesen di bawah Peraturan-peraturan ini hendaklah dikenali dengan suatu pelit nombor yang akan disediakan oleh Pegawai Perikanan; dan pemegang lesen itu hendaklah pada setiap masa mempamerkannya di suatu tempat yang mudah dilihat di belat itu.

(2) Suatu bayaran sebanyak tujuh ringgit hendaklah dikenakan berkenaan dengan suatu pelit nombor yang disediakan seperti tersebut di atas.

(3) Jika sekiranya sesuatu pelit nombor tersebut di atas itu hilang, cacat atau musnah, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu

Pegawai Perikanan dengan sewajarnya, dan apabila dibayar bayaran yang dinyatakan dalam perenggan (2) Pegawai Perikanan itu—

- (a) hendaklah mengeluarkan suatu nombor pelit baru yang hendaklah dipamerkan mengikut cara yang diperihalkan dalam perenggan (1);
- (b) hendaklah mencatat fakta-fakta ini dalam lesen yang dipegang oleh pemegang lesen itu dan dalam apa-apa rekod lain yang diselenggara oleh Pegawai Perikanan itu.

#### **8. Bilangan lesen-lesen yang hendak dikeluarkan.**

Ketua Pengarah Perikanan boleh menetapkan bilangan lesen yang boleh dikeluarkan dalam sesuatu tahun berkenaan dengan jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.

#### **9. Alat-alat menangkap ikan tidak boleh dikendalikan dalam jarak 200 depa daripada jenis belat.**

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Jadual Keenam tiada sesiapa jua boleh mengendalikan atau membenarkan dikendalikan atau mengarah supaya dikendalikan apa-apa alat menangkap ikan dalam jarak dua ratus depa daripada sesuatu jenis belat yang dilesen di bawah Peraturan-peraturan ini.

#### **10. Permohonan supaya dikeluarkan suatu permit untuk memasang jenis belat.**

(1) Seseorang yang hendak memasang sesuatu jenis belat boleh membuat suatu permohonan secara bertulis bagi maksud itu kepada Pegawai Perikanan, dengan menyatakan dalam permohonan itu jenis dan tempat jenis belat yang dicadang hendak dipasangkan itu dan, jika dikehendaki oleh Pegawai Perikanan, memberi suatu pelan tempat tersebut.

(2) Apabila sesuatu permohonan dibuat sebagaimana tersebut di atas, Pegawai Perikanan itu boleh menyasiat tempat yang dinyatakan dalam permohonan itu atau yang dinyatakan dalam pelan yang diberi itu, jika ada, dan boleh, jika ia berpuashati bahawa pemasangan jenis belat tersebut di atas itu tidak akan melanggar mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini, mengeluarkan suatu permit, dan, dalam sesuatu hal lain, menolak permohonan itu.

(3) Sebelum sesuatu permit di bawah peraturan ini dikeluarkan berkenaan dengan jenis belat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga kepada Peraturan-peraturan ini pemohon adalah dikehendaki membayar kepada Pegawai Perikanan deposit yang dinyatakan bersetentangannya dalam ruang kedua dalam Jadual tersebut dan deposit itu hendaklah dibayar kepada Perbendaharaan:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu hal yang difikirkannya patut atau adil, membenarkan seseorang pemohon membayar

hanya sebahagian daripada amaun yang ditetapkan itu; dan dalam tiap-tiap hal sedemikian pemohon boleh, sebagai ganti membayar penuh deposit itu memberi suatu jaminan bank atau melaksanakan suatu bon dengan atau tanpa penjamin-penjamin sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(4) Pembayaran deposit hendaklah dibuktikan dengan suatu resit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

## PEMINDAHAN JENIS-JENIS BELAT DAN ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN

### **11. Pemindahan jenis-jenis belat dan alat-alat menangkap ikan.**

(1) Mana-mana orang yang tidak lagi mengendalikan sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan hendaklah dengan segera memberitahu Pegawai Perikanan mengenainya.

(2) Orang yang tersebut di atas itu hendaklah memindahkan jenis-jenis belat atau alat-alat menangkap ikan itu dan apa-apa tiang, sauh pelampung dan apa-apa alat tambahan lain yang digunakan dalam pengendalian jenis-jenis belat atau alat-alat tersebut dengan serta-merta atau dalam tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh seorang Pegawai Perikanan.

(3) Tiada seseorang jua boleh memindahkan sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan di bawah perenggan (1) dan (2) kecuali di bawah pengawasan seorang Pegawai Perikanan.

(4) Apabila mana-mana orang yang tersebut di atas tidak mematuhi arahan Pegawai Perikanan atau peruntukan-peruntukan peraturan ini, Pegawai Perikanan itu boleh memindah dan memusnahkan jenis-jenis belat atau alat-alat menangkap ikan atau tiang, sauh, pelampung atau lain-lain alat tambahan yang digunakan untuk mengendalikan alat-alat itu; dan apa-apa deposit yang dibayar di bawah peraturan 10 berkenaan dengan sesuatu jenis belat atau alat menangkap ikan hendaklah dilucuthak:

Dengan syarat bahawa jika belanja yang dilakukan sedemikian adalah lebih daripada amaun deposit itu, yang berlebihan itu hendaklah didapatkan daripada orang yang atas namanya deposit itu dibayar.

### **12. Pampasan bagi kerosakan yang disebabkan oleh alat-alat menangkap ikan.**

Jika, dengan pengendalian apa-apa alat menangkap ikan yang dilesen di bawah Peraturan-peraturan ini, sesuatu jenis belat atau lain-lain alat menangkap ikan dirosakkan, maka pemegang lesen alat menangkap ikan yang disebutkan terdahulu itu hendaklah melucuthak sebanyak daripada deposit (jika ada) yang dibayar berkenaan dengan alat itu yang sama dengan tuntutan yang dibuat berkenaan dengan jenis-jenis belat atau alat-alat yang dirosakkan seperti tersebut di atas:

Dengan syarat bahawa jika tuntutan yang dibuat berkenaan dengan jenis-jenis belat atau alat-alat menangkap ikan yang dirosakkan itu adalah lebih daripada amaun deposit itu, yang berlebihan itu hendaklah didapatkan daripada orang atau orang-orang yang atas namanya deposit itu dibayar.

## LUCUTHAK

### **13. Pembatalan lesen dan permit dan pelucuthakan deposit-deposit.**

Jika pemegang sesuatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atasnya menurut kuasa Peraturan-peraturan ini—

- (a) lesen atau permit itu boleh dibatalkan, dan jika lesen atau permit itu dibatalkan, apa-apa deposit yang dibayar di bawah Peraturan-peraturan ini hendaklah dilucuthak; atau
- (b) jika lesen atau permit itu tidak dibatalkan, kesemua atau sesuatu bahagian daripada deposit yang telah dibayar di bawah Peraturan-peraturan ini boleh dilucuthak.

### **14. Perbaharuan lesen-lesen jenis belat yang sedia ada.**

Semua jenis belat yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Peraturan-peraturan ini telah dilesen di bawah Peraturan-peraturan yang dimansuhkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dipasang mengikut peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini dengan syarat bahawa deposit-deposit yang dikehendaki dibayar di bawah Jadual Ketiga kepada Peraturan-peraturan ini atau sebanyak mana deposit-deposit itu belum dibayar hendaklah dibayar kepada Perbendaharaan berkenaan dengan jenis belat itu dalam tempoh tiga bulan dari masa berkuatkuasanya Peraturan-peraturan ini, dan pembayaran deposit itu hendaklah dibuktikan dengan suatu resit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan tersebut.

### **15. Pemansuhan.**

Peraturan-peraturan Kelong (Pelantar Benua) 1958 dan Peraturan-peraturan Kelong (Perairan Sarawak) 1958 adalah dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA  
(Peraturan 2)

ALAT-ALAT YANG DIKECUALIKAN

- (a) Tontang
- (b) Taut
- (c) Saledok
- (d) Sedok
- (e) Bubu sungai
- (f) Lukah
- (g) Jala
- (h) Belat-belat yang dipasang dalam air kurang dari satu depa
- (i) Kail dan pancing yang tidak lebih dari tiga mata

JADUAL KEDUA  
(Peraturan 5)

BAYARAN LESEN

(1) <i>Alat-alat/Jenis Belat</i>	(2) <i>Bayaran</i>
(1) Pukat Tunda Pukat tunda yang digunakan dengan bot-bot berenjin yang beratnya:	
(a) 75 tan kasar dan ke atas ... ..	RM100.00    tiap-tiap satu peralatan setahun
(b) 40 tan kasar tetapi kurang daripada 75 tan kasar	50.00    tiap-tiap satu peralatan setahun
(c) 15 tan kasar tetapi kurang daripada 40 tan kasar	10.00    ”
(d) kurang daripada 15 tan kasar ... ..	5.00    ”
(2) Pukat-pukat Jenis Hanyut	
(i) Pukat hanyut ... ..	1.00    ”
(ii) Pukat lengkung ... ..	1.00    ”
(iii) Pukat dalam ... ..	1.00    ”
(3) Pukat Tarik Pantai ... ..	1.00    ”
(4) Pukat Tarik ... ..	1.00    ”
(5) Pukat Tangguk dan Surung ... ..	1.00    ”
(6) Pukat-pukat jenis berpundi	
Pengereh ... ..	1.00    tiap-tiap satu set mengandungi 4 peralatan atau sebahagian daripadanya setahun

(1) <i>Alat-alat/Jenis Belat</i>					(2) <i>Bayaran</i>	
Paka	...	...	...	...	1.00	"
Tugu	...	...	...	...	1.00	"
Juluk	...	...	...	...	1.00	"
(7) Pukat-pukat jenis rentang	...	...	...	...	1.00	tiap-tiap satu peralatan setahun
(8) Tali Kail	...	...	...	...	1.00	"
(9) Perangkap-perangkap						"
(a) Bubu laut	...	...	...	...	1.00	"
(b) Bintah...	...	...	...	...	1.00	tiap-tiap satu set mengandungi 10 peralatan atau sebahagian daripadanya setahun
(10) Kerang	...	...	...	...	Percuma	
(11) Pelbagai	...	...	...	...	1.00	tiap-tiap satu peralatan setahun
(12) Jenis-jenis Belat						
Kelong	...	...	...	...	10.00	tiap-tiap satu jenis belat setahun
Jermal	...	...	...	...	5.00	"
Jungkat	...	...	...	...	2.00	"
Ngian	...	...	...	...	1.00	"
Lendong	...	...	...	...	1.00	"
Belat (dalam perairan tidak kurang daripada satu fathom)					1.00	"

JADUAL KETIGA  
(Peraturan 4(2))

DEPOSIT BAGI ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN

(1) <i>Alat-alat/Jenis Belat</i>	(2) <i>Deposit</i>
1. Pukat Tunda	
Pukat tunda yang digunakan dengan bot-bot berenjin yang beratnya:	
(a) 75 tan kasar dan ke atas	RM400.00
(b) 40 tan kasar tetapi kurang daripada 75 tan kasar	200.00
(c) 15 tan kasar tetapi kurang daripada 40 tan kasar	50.00
(d) kurang daripada 15 tan kasar	10.00

<i>(1)</i> <i>Alat-alat/Jenis Belat</i>	<i>(2)</i> <i>Deposit</i>
2. Jenis-jenis belat	
(a) Kelong, Jermal, Jungkat, Ngian, Lendong:	
(i) Dipasang di dalam air sedalam 5 depa atau lebih (semasa air pasang perbani surut) ... ..	RM500.00
(ii) Dipasang di dalam air sedalam 3 depa atau lebih tetapi kurang daripada 5 depa (semasa air pasang perbani surut)... ..	300.00
(iii) Dipasang di dalam air kurang daripada 3 depa (semasa air pasang perbani surut)... ..	100.00
(b) Belat (lain daripada jenis-jenis belat yang dinyatakan di atas):	
Dipasang di dalam air sedalam 1 depa atau lebih (semasa air pasang perbani surut) ... ..	50.00

—————  
JADUAL KEEMPAT  
(Peraturan 4(4))

HAD-HAD DAN SYARAT-SYARAT LESEN BAGI MENANGKAP  
IKAN DENGAN PUKAT TUNDA

PUKAT TUNDA BERANG

1. Besarnya mata jaring bagi sesuatu pukat tunda berang tidak boleh kurang daripada satu inci.
2. Kecuali sebagaimana yang dihadkan kepada sesuatu kawasan oleh Pegawai Perikanan dalam had-had dan syarat-syarat lesen, pukat tunda berang yang digunakan dengan bot-bot berenjin yang beratnya:
  - (a) 75 tan kasar dan ke atas dengan 200 kuasa kuda dan ke atas hendaklah digunakan hanya dalam perairan yang melebihi 10 batu dari pantai Negeri; atau
  - (b) 40 tan kasar tetapi kurang daripada 75 tan kasar dengan 100 kuasa kuda dan ke atas hendaklah digunakan hanya dalam perairan yang melebihi 7 batu dari pantai; atau
  - (c) 15 tan kasar tetapi kurang daripada 40 tan kasar dengan 60 kuasa kuda dan ke atas hendaklah digunakan hanya dalam perairan yang melebihi 5 batu dari pantai; atau
  - (d) kurang daripada 15 tan kasar dengan kurang daripada 60 kuasa kuda hendaklah digunakan hanya dalam perairan yang melebihi 3 batu melainkan jika selainnya dibenarkan oleh Pegawai Perikanan; di luar pantai Negeri;

[Pind. PU(A)  
216/2000]

Dengan syarat bahawa Pegawai Perikanan boleh, dengan membuat catitan dalam lesen membenarkan penangkapan ikan dalam perairan di luar pantai dari Tanjung Datu ke Tanjung Baram dengan menggunakan pukot tunda di perairan melebihi 1 batu dari pantai pada bulan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

3. Menangkap ikan dengan pukot tunda berang yang digunakan dengan bot-bot berenjin yang beratnya kurang daripada 15 tan kasar dan dengan kurang daripada 60 kuasa kuda hendaklah dijalankan dari pukul 6 pagi hingga 6 petang.

[Pind. PU(A)  
216/2000]

4. Menangkap ikan dengan pukot tunda berang yang digunakan dengan bot-bot berenjin yang beratnya 15 tan kasar dan ke atas dengan enjin 60 kuasa kuda dan ke atas boleh dijalankan sepanjang hari dan malam kecuali di luar kawasan dari Tanjung Datu ke Tanjung Baram di mana Pegawai Perikanan boleh menghadkan waktu menangkap ikan dengan membuat catitan dalam lesen.

5. Pemegang lesen hendaklah menggunakan hanya bot atau bot-bot dan mengambil kerja hanya orang atau orang-orang yang diluluskan oleh Pegawai Perikanan.

---

JADUAL KELIMA  
(Peraturan 4(4))

HAD-HAD DAN SYARAT-SYARAT LESEN BAGI MENANGKAP  
IKAN DENGAN PUKAT INSANG HANYUT

1. Menangkap ikan dengan pukot insang hanyut boleh dibenarkan hanya dari pukul 5 petang hingga 6 pagi melainkan jika selainnya dibenarkan oleh Pegawai Perikanan.
2. Pengendali sesuatu pukot insang hanyut hendaklah menunjukkan:
  - (a) satu lampu putih yang boleh dilihat dari sekeliling sekurang-kurangnya 2 batu notika pada botnya;
  - (b) satu lampu putih yang boleh dilihat dari sekeliling sekurang-kurangnya 2 batu notika pada penghujung lengkaran pukot insang hanyutnya setinggi 4 hingga 6 kaki dari permukaan laut; dan
  - (c) satu bendera berwarna cerah yang boleh dilihat dari sekeliling sekurang-kurangnya 2 batu notika pada penghujung lengkaran pukot insang hanyutnya setinggi 5 hingga 6 kaki dari permukaan laut.

JADUAL KEENAM  
(Peraturan 4(4))

HAD-HAD DAN SYARAT-SYARAT PERMIT  
DAN LESEN JENIS BELAT

1. Syarat-syarat berikut hendaklah dilampirkan kepada sesuatu permit yang dikeluarkan berkenaan dengan pemasangan jenis belat:
  - (a) jenis belat itu hendaklah dipasang dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permit dikeluarkan atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pegawai Perikanan;
  - (b) selepas sahaja jenis belat dipasang, dan walau bagaimanapun tidak lewat daripada dua puluh satu hari dari tarikh jenis belat itu dipasang, pemegang permit hendaklah memohon satu lesen untuk mengendalikan jenis belat tersebut;
  - (c) kecuali dengan kelulusan Pegawai Perikanan, jenis-jenis belat yang dipasang di dalam air yang kurang daripada tiga depa dalamnya (semasa air pasang perbani surut) tidak boleh dipasang dalam lengkongan dua ratus depa daripada mana-mana bahagian sesuatu jenis belat lain, atau lebih daripada dua ratus depa panjangnya;
  - (d) kecuali dengan kelulusan Pegawai Perikanan, jenis-jenis belat yang dipasang di dalam air yang tiga depa atau lebih dalamnya (semasa air pasang perbani surut) tidak boleh dipasang dalam lengkongan empat ratus depa daripada mana-mana bahagian sesuatu jenis belat lain atau lebih daripada tiga ratus depa panjangnya.
  
2. Jika dikehendaki oleh seseorang Pegawai Perikanan, pemegang sesuatu lesen hendaklah menunjukkan di atas sesuatu jenis belat yang dipasang, dari matahari turun hingga matahari naik, suatu lampu atau lampu-lampu dari warna serta daya kenampakan sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu.

Diperbuat pada 26hb November 1976.

---

*Nota:* Untuk tujuan Peraturan-peraturan ini, luas perairan wilayah yang bersebelahan dengan Pantai Sarawak hendaklah sebagaimana yang ditentukan mengikut peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, No. 7 1969, iaitu 12 batu notika.